

26/11/1997

Perpindahan Jupem ke Ipoh punyai nilai sentimental

Jalal Abdul Rahim

PERPINDAHAN pusat pentadbiran Jabatan Ukur dan Pemetaan (Jupem) Perak dari Taiping ke Ipoh, yang dirasmikan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Seri Osu Sukam, baru-baru ini sejajar keperluan pembangunan pesat yang dilalui Perak selama ini.

Perpindahan itu bukan sahaja memberi kesan terhadap pembangunan, tetapi turut mempunyai nilai sentimental tersendiri apabila jabatan bersejarah yang beroperasi selama 109 tahun sejak zaman penjajahan Inggeris itu menjadi jabatan kerajaan terakhir ditempatkan ke ibu negeri Darul Ridzuan.

Bangunan baru berharga RM8 juta tersergam megah di Jalan Datuk Seri Ahmad Said, Greentown, Ipoh mempunyai kelengkapan canggih untuk melakukan tugas pengurusan tanah khususnya penandaan serta pengukuran tanah atau peta, sekali gus menjamin perkhidmatan jabatan dalam memenuhi keperluan pihak kerajaan, swasta atau individu.

Kemampuan memberi perkhidmatan terbaik kepada pelanggan selaras dengan hasrat kerajaan negeri dalam usaha pembangunan kawasan setempat, khususnya membuka lebih banyak kawasan termasuk kawasan perindustrian baru.

Ternyata tugas itu sukar dilaksanakan jika perkhidmatan jabatan berkenaan tidak memenuhi permintaan yang semakin bertambah kerana pembangunan sesuatu kawasan memerlukan kerja pengukuran bagi menentu kesesuaian pembangunan itu.

Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib dalam perutusan buku cenderahati perasmian bangunan itu menyifatkan perpindahan itu detik sejarah kepada pentadbiran kerajaan negeri kerana ia jabatan terakhir yang berpindah ke Ipoh.

Sebelum ini pentadbir jabatan kerajaan dan rakyat Perak terpaksa berulang-alik ke Taiping untuk menguruskan hal berkaitan dengan jabatan itu.

"Saya penuh yakin bahawa perpindahan itu dapat meningkatkan lagi keberkesanan urusan pentadbiran dan pembangunan tanah di Perak selaras dengan Wawasan 2020 yang disarankan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad."

"Dengan perpindahan itu juga diharap kerjasama sedia ada di antara kerajaan negeri dan Persekutuan dapat ditingkatkan lagi," katanya.

Jupem Perak ditubuhkan pada 1888 di Taiping, bertempat di sebuah bangunan bersama dengan beberapa jabatan lain. Pengarahnya pada tahun itu ialah G A Lefroy, seorang Inggeris.

Pada 7 September 1963, pejabat Jupem Perak yang bertempat di bangunan lama berpindah ke bangunan baru di Jalan Kota, Taiping dan dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Luar Bandar ketika itu, Tun Abdul Razak Hussein.

Ramli berkata, Jupem Perak amat bertuah kerana serentak dengan perpindahan itu petugas di jabatan berkenaan berpeluang menduduki bangunan baru dilengkapi dengan sistem ukur tanah yang canggih.

Menurutnya, oleh itu perkhidmatan Jupem dalam merealisasikan hasrat kerajaan negeri mengekalkan pertumbuhan ekonomi pada kadar 8.2 peratus termasuk melalui usaha membuka tanah baru yang memerlukan maklumat tanah membabitkan perkhidmatan Jupem.

Katanya, tugas itu sukar dilakukan tanpa perkhidmatan Jupem melalui maklumat tanah yang disediakan.

Sementara itu, bangunan baru Jupem Perak yang mempunyai seni reka menarik dan moden mampu menjadi mercu tanda unik bagi bangunan kerajaan di

Ipoh, sekali gus memeriahkan lagi perkhidmatan awam di Perak.
(END)